## Seremban catat keadaan udara tidak sihat

Oleh Tuty Haryanti Ahmad Rodzi - April 12, 2023 @ 12:28pm
bhnews@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Seremban mencatatkan bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) tidak sihat hari ini iaitu 127 setakat jam 12 tengah hari ini.

Berdasarkan bacaan yang dipaparkan di laman web http://apims.doe.gov.my, Seremban mula mencatatkan IPU tidak sihat sejak jam 6 pagi tadi.

Sehingga jam 12 tengah hari, hanya tiga kawasan iaitu Keningau, Sabah dan ILP Miri dan Sri Aman, Sarawak mencatatkan IPU baik.

Sebanyak 64 kawasan lain pula mencatatkan IPU sederhana.

Bagaimanapun petang semalam, antara jam 4 petang sehingga 9 malam, Cheras turut mencatatkan bacaan IPU tidak sihat iaitu antara 108 sehingga 119.

Diikuti Port Dickson mencatatkan bacaan IPU kurang sihat iaitu 101 pada jam 8 malam tadi.